



ELMIE AMAN NAJAS

## Lebihan AIA Public Takaful RM70.7j

**PETALING JAYA** — AIA Public Takaful Bhd. mengumumkan agihan lebihan RM70.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, yang memanfaatkan lebih dari pada 467,000 pemegang sijilnya.

Lebihan daripada Dana Risiko Peserta itu mencatatkan peningkatan 63 peratus berbanding tahun sebelumnya dan merupakan jumlah lebihan tertinggi yang pernah diagihkan kepada pelanggan AIA Public Takaful sejak penubuhannya lebih sedekad yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Elmie Aman Naja berkata, pencapaian itu adalah bukti pengurusan kewangan yang kukuh, prestasi pelaburan cemerlang serta keupayaan pihaknya untuk berkembang dalam persekitaran pasaran mencabar dan serba dinamik.

Lebihan takaful adalah ciri unik yang ditentukan dan diisyiharkan oleh pengendali takaful, sekiranya ada, yang terhasil daripada Dana Risiko Peserta setelah ditolak semua tuntutan yang perlu dibayar, rizab berkanun dan keperluan modal solvensi.

Jumlah lebihan yang diagihkan secara tahunan akan dikongsi secara sak-sama dalam kalangan peserta yang layak berdasarkan caruman, jumlah perlindungan dan tempoh sijil mereka, dengan syarat sijil tersebut kekal berkuat kuasa dan tiada tuntutan dibuat sepanjang tahun kewangan berkenaan.